

0327

U B067 AAB  
MAHATHIR - PINJAMAN R R R

KUALA LUMPUR, 14 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERI JAMINAN BAHAWA MALAYSIA AKAN MENUNAIKAN SEMUA PINJAMANNYA DAN PEMBAYARAN BALIK DIBUAT MENGIKUT TEMPOHNYA.

BELIAU MEMBERI JAMINAN ITU SEBAGAI MENJELASKAN LAPORAN AKHBAR SEMALAM YANG MEMETIKNYA SEBAGAI BERKATA BAHAWA MALAYSIA AKAN MEMOHON PENJADUALAN SEMULA PEMBAYARAN PINJAMANNYA.

SETIAUSAHA AKHBAR PERDANA MENTERI, ENCIK JALALUDDIN BAHAUDIN HARI INI BERKATA BAHAWA LAPORAN BERITA ITU TELAH SALAH PETIK KENYATAAN PERDANA MENTERI.

DATU SERI DR. MAHATHIR, SEMASA MERASMI SIMPOSIUM MENGENAI +KRISIS EKONOMI BUMIPUTRA+ PADA HARI SABTU, MENYENTUH MENGENAI KEADAAN MASAKINI EKONOMI YANG DIHADAPI OLEH NEGARA.

KATANYA, EKONOMI MALAYSIA SEDANG MENGHADAPI KELEMBAPAN AKIBAT KEJATUHAN HARGA KOMODOTINYA DAN SEBAGAI CONTOH, DENGAN KENAIKAN NILAI YEN TERHADAP NILAI RINGGIT, MALAYSIA MEMERLUKAN LEBIH RINGGIT UNTUK MENJELASKAN HUTANG YENNYA.

ENCIK JALALUDDIN MENEGASKAN DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA BAHAWA PENDAPATAN BAGI 1987 DIJANGKA BERKURANGAN DAN KERAJAAN AKAN MENGHADAPI MASALAH UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN YANG MENCUKUPI BAGI PELBAGAI KEPERLUAN PEMBANGUNAN.

+ PERDANA MENTERI TIDAK BERKATA BAHAWA MALAYSIA AKAN MEMOHON PENJADUALAN SEMULA PEMBAYARAN PINJAMANNYA,+ KATAN ENCIK JALALUDDIN.

+ BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN AKAN MENUNAIKAN SEMUA PINJAMAN DAN PEMBAYARAN BALIK DIBUAT MENGIKUT TEMPOHNYA.+ -- BERNAMA  
1252MST 14 04 86